

Pindaan untuk kebaikan semua:

PM
B.H - 9 MAR 1993

KUALA LUMPUR, Isnin
— Kerajaan menyokong **Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993** yang disyorkan dan dipersetujui oleh Majlis **Raja-Raja** kerana ia **sela-ras** dengan pindaan asal, kata Datuk Seri Dr Ma-hathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pindaan untuk kebajikan rakyat, raja-raja dan kerajaan, memberi keadilan kepada semua pihak dan sesuai dengan pentadbiran negara serta pemikiran sistem beraja masa kini.

"**Persetujuan** raja-raja kepada pindaan rang undang-undang itu bai untuk masa depan sistem **Raja Berperlembagaan dan demokrasi** berparlimen negara ini.

"**Kerajaan** menyanjung tinggi **kebijaksanaan raja-raja** kerana bersetuju dengan pindaan **Perlembagaan** dengan **pengubahsuaian ini**," katanya ketika berucap di **perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993** di **Dewan Rakyat** di sini, hari ini.

Menurutnya, dengan lulusnya pindaan itu oleh

Parlimen dan diperkenankan oleh **Yang di-Pertuan Agong**, semua pihak kini boleh menumpukan perhatian ke arah **pembangunan tanpa gangguan**.

Dr Mahathir berkata, **pengubahsuaian** terhadap rang undang-undang adalah hasil beberapa **perbincangan** di antara pihak kerajaan dan raja-raja. Ia disyorkan untuk **memperkemaskan undang-undang itu**.

"**Pengubahsuaian ini** tidak menjejaskan tujuan utama **Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1993** yang diluluskan oleh **Parlimen** iaitu menentukan **raja boleh didakwa** mengikut undang-undang negara.

"**Perbezaannya** ialah raja-raja akan **dihadapkan** ke mahkamah khas saja. Peruntukan asal dalam **Perlembagaan** bahawa **raja tidak boleh dihadapkan** ke mahkamah biasa dikekalkan," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyesuaian itu memerlukan dua **perkara** baru ditambah kepada **rang undang-undang berkenaan**.

Perkara pertama, katanya, ialah mengenai kedudukan **Yang di-Pertuan Agong** atau kedudukan **raja sekiranya** beliau atau **raja** menghadapi tindakan undang-undang.

Menurutnya, perkara kedua ialah sebarang **tindakan ke atas raja-raja tidak boleh diambil tanpa persetujuan** **Peguam Negara**.

"**Ini bagi** menjamin raja-raja tidak diheret ke mahkamah oleh pihak yang hendak memalukan **raja-raja atas** sebab yang **tidak berasas**," katanya.